



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
18 OKTOBER 2024



Terima 'nyawa' sebelum dapat kerja

Bachok: Seorang wanita melahirkan rasa kesyukuran apabila menerima faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebagai 'nyawa' sementara sebelum mendapat pekerjaan selepas kematian suami.

Ini berikutan suami kepada Siti Nor Zuriati Abdullah iaitu Mahmud Ali, 58, meninggal dunia akibat lemas pada 18 September lalu.

Menceritakan semula kejadian, Nor Zuriati, 35; berkata kebiasaannya arwah suami turun ke laut selepas Isyak dan akan pulang ke rumah di Kampung Kuala Pak Amat Pengkalan Chepa pada waktu subuh.

Menurutnya, tetapi pada hari kejadian, suaminya tidak pulang ke rumah sehingga pagi sedangkan dia terpaksa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII), Kota Bharu untuk berjumpa pakar mata.

"Apabila pulang dari



SITI Nor Zuriati (dua dari kiri) menerima Pencen Faedah Orang Tanggungan daripada Nora (dua dari kanan) yang melawatnya di Kampung Aur Tanjung, Bachok.

hospital, saya dapati masih tiada tanda-tanda suami balik lalu meminta abang ipar mencari suami di jeti dan sungai sekitar.

"Abang ipar kemudian memaklumkan penemuan mayat suami terapung dalam sungai," katanya selepas menerima

kunjungan Pengarah Perkeso Kelantan, Nora Yaacob di sini, semalam.

Nor Zuriati menerima faedah Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) yang layak menerima Pencen Faedah Orang Tanggungan (FOT) secara bulanan selain Fae-

dah Pengurusan Mayat (FPM) RM3,000.

Manakala, dua anak perempuannya berusia tiga dan lima tahun layak menerima syer sehingga mencapai usia 21 tahun jika berjaya melanjutkan pengajian sehingga ijazah sarjana muda.